

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

4 langkah tangani lonjakan pesakit di Lembah Klang

Penggunaan katil di hospital kini melebihi kapasiti 85 peratus

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) memutuskan empat langkah afirmatif akan dilaksanakan segera bagi mengatasi lonjakan tinggi pesakit COVID-19 di Lembah Klang, khususnya Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata penggunaan katil secara keseluruhan di hospital sekitar Lembah Klang kini sudah melebihi kapasiti 85 pe-

ratus dengan HKL menerima antara 60 hingga 70 pesakit COVID-19 setiap hari.

"Purata pesakit adalah tiga dalam kategori empat dan kategori lima yang memerlukan bantuan pernafasan, manakala pesakit kategori lima perlu dirawat di unit rawatan rapi (ICU).

"Daripada keseluruhan kes COVID-19 dikendalikan HKL, 71 peratus adalah pesakit kategori tiga hingga lima, mahakala baki pesakit kategori satu dan dua," katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, langkah afirmatif diputuskan bagi mengatasi isu keperluan penyediaan katil tambahan khususnya di ICU, antaranya memperluaskan penyumberluaran pesakit bukan COVID-19 ke hospital swasta bagi membolehkan HKL menerima dan merawat lebih ramai pesakit COVID-19.

Selain itu, kapasiti katil ICU dan bukan ICU, termasuk per-

alatan dan kemudahan seperti alat bantuan pernafasan akan ditingkatkan di hospital KKM dan hospital pengajar universiti bagi menerima dan merawat lebih ramai pesakit COVID-19.

"Penugasan semula secara sementara akan dilaksanakan kepada petugas kesihatan terdiri daripada pakar perubatan dan anggota paramedik dari negeri tertentu bagi menyokong perkhidmatan di hospital KKM dan hospital pengajar universiti yang perlu petugas tambahan bagi merawat pesakit COVID-19.

"KKM juga akan mengoptimumkan sumbangan sukarelawan dan pelajar kejururawatan tahun akhir dari institut latihan KKM yang sedang menjalani latihan praktikal yang akan divaksin dahulu bagi membantu petugas kesihatan sedia ada seperti di Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

"Sebahagian jururawat berpe-



Langkah afirmatif diputuskan bagi mengatasi isu keperluan katil tambahan khususnya di ICU, antaranya perluaskan penyumberluaran pesakit bukan COVID-19 ke hospital swasta

Dr Adham Baba,
Menteri Kesihatan

ngalaman yang ditugaskan di PPV dan Pusat Sarungan COVID-19 akan ditugaskan semula bagi menyokong penyampaian perkhidmatan di hospital KKM," katanya.

Dr Adham berkata, HKL yang berstatus hibrid, iaitu menerima pesakit COVID-19 dan bukan COVID-19, sudah berusaha menangani jumlah kedatangan atau rujukan pesakit yang tinggi ke Jabatan Kecemasan dan Trauma menerusi penyediaan dan penggunaan katil tambahan.

Selain itu, katanya, pesakit COVID-19 yang stabil akan dipindahkan ke Hospital Rehabilitasi Cheras dan Institut Perubatan Respiratori bagi membolehkan HKL menerima dan merawat segera pesakit COVID-19 lain.

"Peningkatan jumlah kedatangan atau rujukan pesakit COVID-19 ke hospital KKM di Lembah Klang juga ditangani dengan

kerjasama Hospital Sungai Buloh serta Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) di MAEPS, yang turut mengendalikan sementara pesakit hingga kategori empat sebelum dipindahkan ke hospital.

"KKM juga bekerjasama dengan Hospital Pakar Kanak-Kanak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Hospital Universiti Putra Malaysia (UPM), Hospital Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Hospital Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk merawat pesakit COVID-19 dan bukan COVID-19," katanya.

Beliau memberi jaminan kerajaan akan mengandakan pemberian vaksin kepada 300,000 dos sehari menerusi tambahan perolehan vaksin dan pembukaan lebih banyak PPV, termasuk PPV Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) KD Sultan Ismail di Tanjung Pengelih, Pengerang, Johor.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Muhyiddin stabil, kesihatan bertambah baik

Kuala Lumpur: Keadaan kesihatan Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika ini stabil dan bertambah baik selepas dimasukkan ke hospital pada Rabu lalu akibat jangkitan pada sistem penghadaman.

Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan semalam, memaklumkan Perdana Menteri menjalani pemeriksaan kesihatan yang rapi dan tiada bukti menunjukkan masalah tumor lama beliau berulang.

"Atas nasihat doktor, Perdana Menteri kini berada di hospital untuk terus mendapatkan rawatan antibiotik intravena. Keadaan beliau stabil dan bertambah baik serta dibenarkan bertugas ketika dalam rawatan. Beliau

dijangka dibenarkan keluar dari hospital dalam beberapa hari lagi," katanya.

Rabu lalu, Perdana Menteri dimasukkan ke hospital di ibu negara bagi menerima rawatan dan pemantauan selepas me-

ngalami diarea sehari sebelum itu.

Pejabat Perdana Menteri turut memaklumkan, Muhyiddin mengucapkan ribuan terima kasih kepada orang ramai yang mendoakan kesihatannya.

Penularan COVID-19

6,045 kes baharu, 63 lagi kematian

Semua negeri catat pertambahan jangkitan kecuali Perlis

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sebanyak 63 kes kematian pesakit COVID-19 dicatatkan semalam yang turut menyaksikan 6,045 jangkitan baharu direkodkan.

Daripada jumlah kematian membabitkan 54 warganegara dan sembilan warga asing berusia 13 hingga 94 tahun itu, Selangor mencatat 25 kes, Negeri Sembilan (15), Kuala Lumpur (10), Johor (3), Kedah (3), Pulau Pinang (2), Pahang (2), Sarawak (1), Terengganu (1) dan Melaka (1).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdul-

lah, berkata jangkitan baharu termasuk 2,262 kes di Selangor, menjadikan keseluruhan kes COVID-19 di negara ini sebanyak 778,652 kes.

Katanya, jangkitan baharu di Kuala Lumpur 616 kes, Negeri Sembilan (531), Johor (500), Perak (384), Sarawak (365), Kedah (332), Melaka (290), Sabah (228), Pulau Pinang (173), Kelantan (124), Pahang (95), Labuan (75), Terengganu (54) dan Putrajaya (16).
"Hanya Perlis tidak melaporkan pertambahan kes baharu. Pertambahan ini menjadikan jumlah kes aktif dengan kebolehhajatan COVID-19 di negara ini meningkat kepada 67,669 kes," katanya, semalam.

Beliau juga memaklumkan, 917 pesakit masih dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 443 memerlukan alat bantuan pernafasan.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 17 kluster baharu dikesan semalam, iaitu 11 di tempat kerja, lima dalam kalangan komuniti serta satu mem-



Pegawai kesihatan membuat ujian calitan COVID-19 di Kampung Muslim, Labuan, semalam.

(Foto BERNAMA)

babitkan kumpulan berisiko tinggi.

Kluster tempat kerja membabitkan pekerja sektor perkhidmatan, syarikat perkhidmatan, institusi awam dan stesen minyak, dikenali Kluster Bahtera Darat, Kluster Industri Parit Hulu, Kluster Jalan Wira Lapan, Kluster Industri Parit Jamil dan Kluster Jalan Perindustrian Agas 11.

Turut dikesan, Kluster Industri Bypass Gebeng, Kluster Kilometer 22 Jalan Gambang, Kluster Industri Jalan Bangi Lama, Kluster 35 Bintulu dan Kluster Pangkalan Batu.

Kluster dalam kalangan komuniti pula dikenali Kluster Lorong Empat Sekinchan, Kluster Sungai Pelekap, Kluster Gong Pasir, Kluster Sungai Entajum dan Kluster Kampung Jeram Perдах, manakala kluster kumpulan berisiko tinggi ialah Kluster Persiaran Kempas Jerneh.

Mengenai kes sembuh, beliau berkata, sehingga tengah hari semalam, ada 5,271 kes sembuh menjadikan jumlah keseluruhan pesakit pulih daripada COVID-19 sebanyak 705,486 kes.

Ibadat & Fadilat

Abu Hurairah RA meriwayatkan Nabi SAW bersabda: "Setiap Nabi mempunyai doa segera didoakan untuk membantu umat Baginda, lalu doanya itu diperkenankan Allah. Namun aku, insya-Allah akan melewatkan doaku itu untuk membela umatku kelak di hari kiamat." (HR Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:53	1:26	4:51	7:39	8:55
Alor Setar	5:54	1:25	4:51	7:39	8:54
P. Pinang	5:56	1:25	4:51	7:37	8:53
Ipoh	5:55	1:23	4:49	7:33	8:49
Kuala Lumpur	5:55	1:21	4:46	7:30	8:45
Shah Alam	5:55	1:21	4:46	7:30	8:45
Johor Bahru	5:49	1:12	4:37	7:17	8:32
Kuantan	5:50	1:15	4:40	7:23	8:38
Seremban	5:55	1:19	4:44	7:26	8:41
Bandar Melaka	5:54	1:18	4:43	7:25	8:40
Kota Bharu	5:48	1:18	4:44	7:31	8:42
K. Terengganu	5:45	1:14	4:40	7:26	8:41
Kota Kinabalu	4:54	12:24	3:49	6:36	7:51
Kuching	5:24	12:47	4:12	6:53	8:08

17 kluster baharu dikesan, iaitu 11 di tempat kerja, lima dalam kalangan komuniti serta satu membabitkan kumpulan berisiko tinggi



Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

Terkini COVID-19

5,271

Pulih, dibenarkan keluar hospital, semalam

6,045

Kes baharu disahkan, semalam

5,497

Jumlah kematian dicatat

778,652

Jumlah kes disahkan positif

67,669

kes yang masih dirawat

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19



70 pesakit Covid-19 sehari

Bilangan kes kategori tiga hingga lima dirawat di ICU, HKL meningkat

KAKITANGAN Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dibantu beberapa agensi memakai pakaian perlindungan diri (PPE) untuk menjalankan penugasan di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Nagasari, Bukit Mertajam. PKPD di lokasi berkenaan dikuatkuasakan sehingga hingga 17 Julai ini selepas berlaku peningkatan kes positif Covid-19 dalam tempoh singkat serta menyaksikan kebolehhajangan tinggi.

Oleh Suraya Roslan
suraya@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan terdapat peningkatan bilangan pesakit Covid-19 kategori tiga hingga lima yang dirujuk ke Jabatan Kecemasan dan Trauma serta Unit Rawatan Rapi (ICU) di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, daripada keseluruhan kes Covid-19 yang dikendalikan hospital itu, 71 peratus adalah pesakit Covid-19 kategori tiga hingga lima manakala bakinya pesakit kategori satu dan dua.

"Berdasarkan rekod terkini, Jabatan Kecemasan dan Trauma HKL menerima antara 60 hingga 70 pesakit Covid-19 dalam tempoh se-

hari dengan purata tiga pesakit kategori empat dan lima yang memerlukan bantuan alat pernafasan.

"Bagi pesakit kategori lima, pesakit perlu dirawat di ICU," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Adham berkata, HKL adalah hospital rujukan berstatus Hibrid Covid-19 yang menerima pesakit Covid-19 dan bukan Covid-19 di Jabatan Kecemasan dan Trauma serta ICU.

"Jumlah kedatangan atau rujukan pesakit ke Jabatan Kecemasan dan Trauma yang tinggi ditangani dengan penyediaan dan penggunaan katil tambahan oleh pengurusan HKL.

"Pesakit Covid-19 yang stabil dipindahkan ke Hospital Rehabilitasi Cheras dan Institut Perubatan Respiratori bagi membolehkan HKL menerima dan merawat segera pesakit Covid-19 yang

lain," katanya.

Katanya, selain itu, jumlah kedatangan atau rujukan pesakit Covid-19 yang semakin meningkat ke hospital KKM di Lembah Klang juga ditangani dengan kerjasama Hospital Sungai Buloh yang kini berstatus Hospital Covid-19 serta Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) di Maeps yang turut mengendalikan sementara pesakit Covid-19 hingga kategori empat sebelum pesakit dipindahkan ke hospital.

"KKM juga bekerjasama dengan Hospital Pakar Kanak-Kanak UKM, Hospital Universiti Putra Malaysia dan Hospital Universiti Teknologi Mara dan Hospital Angkatan Tentera Malaysia untuk menerima dan merawat kes pesakit Covid-19 dan bukan Covid-19.

"Secara keseluruhan, penggunaan katil pesakit



(termasuk repurpose bed) di Lembah Klang kini mencapai kadar melebihi 85 peratus.

"Mengambil kira isu keperluan penyediaan katil tambahan khususnya katil di ICU, pengurusan KKM pada 3 Julai lalu mengadakan perbincangan bersama dengan HKL, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor serta Ketua Perkhidmatan Kepakaran berkaitan.

"Ia bagi meneliti langkah segera bagi menangani keadaan luar jangka kedatangan atau rujukan pesakit

yang tinggi ke hospital KKM di Lembah Klang," katanya.

Dr Adham berkata, antara langkah dilaksanakan segera adalah memperluaskan lagi penyumberluan (*outsourcing*) pesakit bukan Covid-19 ke hospital swasta bagi membolehkan HKL menerima dan merawat lebih ramai pesakit Covid-19.

"Selain itu, meningkatkan kapasiti katil ICU dan bukan ICU termasuk peralatan dan kemudahan diperlukan seperti alat-bantuan pernafasan di hospital KKM dan Hospital Pengajar Universiti seperti Hospital Pakar Kanak-kanak UKM, Hospital Universiti Putra Malaysia dan Hospital Universiti Teknologi Mara bagi menerima dan merawat lebih ramai pesakit Covid-19.

"KKM juga memberi penugasan semula (mobilitasi) secara sementara kepada petugas kesihatan (pa-

kar perubatan dan anggota paramedik) dari negeri tertentu bagi menyokong perkhidmatan di hospital KKM dan Hospital Pengajar Universiti yang memerlukan petugas kesihatan tambahan bagi merawat pesakit Covid-19," katanya.

Dr Adham berkata, selain itu antara langkah lain mengoptimalkan sumbangan sukarelawan dan pelajar kejururawatan tahun akhir dari Institut Latihan KKM yang menjalani latihan praktikal (diberi vaksinasi terlebih dahulu) bagi membantu petugas kesihatan sedia ada seperti di Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

"Manakala, sebahagian anggota jururawat berpengalaman yang ditugaskan di PPV dan Pusat Saringan Covid-19 ditugaskan semula bagi menyokong penyampaian perkhidmatan di hospital KKM," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : COVID-19

Hanya 8 PKRC dibuka mulai Ogos

Kota Bharu: Hanya lapan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) di Kelantan akan beroperasi bermula Ogos ini susulan penurunan kes harian Covid-19 di negeri ini.

Pengarah PKRC Kelantan, Dr Mohd Zurairie Mohd Zubir berkata, buat masa ini ada 10 PKRC masih beroperasi dan sehingga kelmarin, 646 pesakit menerima rawatan di pusat berkenaan.

Namun, katanya, bermula bulan depan dua PKRC ditutup iaitu di Dewan Jubli Perak dan Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM).

Katanya, selepas ke-
dua-dua PKRC ditutup, pesakit lelaki akan ditempatkan di PKRC Kompleks Belia

Dan Sukan, Panji dan PKRC Gelanggang Seni.

“Penggunaan katil di semua PKRC kini hanyalah tinggal 50 peratus sahaja berbanding sebelum ini mencapai tahap penggunaan maksimum.

“Sehingga kini, 300 petugas kesihatan ditempatkan di sini, yang mana setiap PKRC mempunyai 30 petugas kesihatan.

“Apabila PKRC ini ditutup, mereka boleh kembali menjalankan tugas ‘haki-haki’ seperti sedia kala,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika di temui di PKRC Kompleks Belia Dan Sukan, Panji di sini, semalam.



“
Penggunaan katil
di semua PKRC
kini hanyalah
tinggal 50
peratus sahaja
Dr Zurairie

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Penularan harian sebanyak 6,045 kes, kadar kebolehjangkitan kekal pada 1.07

Tujuh lagi kes pesakit BID dicatat

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Tujuh lagi kematian di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID) direkodkan melibatkan dua wanita dan lima lelaki daripada 63 kes kematian di seluruh negara yang dilaporkan semalam.

Kes BID tersebut termasuk empat warga asing dengan satu kes mempunyai sejarah penyakit darah tinggi dan buah pinggang, manakala lima lagi kes tidak dinyatakan latar belakang pesakit.

Kesemua kes BID itu melibatkan mangsa berusia 43 hingga 76 tahun.

Terdapat sembilan kes melibatkan warga asing dan kesemua kes kematian baharu yang dilaporkan berusia antara 13 hingga 94 tahun.

Dalam masa sama, sebanyak 6,045 kes harian direkodkan termasuk 20 kes import dan jumlah kes aktif pula terus meningkat kepada 67,669 kes iaitu 917 kes positif sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi dan 443 kes memerlukan bantuan pernafasan.



LOKASI tumpuan orang ramai pada hujung minggu di Jalan Ampang lengang akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa lokaliti di Kuala Lumpur. – MUHAMAD IQBAL ROSLI

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, terdapat 17 kluster

baharu terdiri daripada 11 kluster tempat kerja, lima kluster komuniti dan satu kluster kumpulan

berisiko tinggi.

Menurutnya, kluster tersebut ialah Kluster Jalan Wira Lapan (12 kes), Kluster Industri Parit Jamil (127 kes), Kluster Industri Parit Hulu (40 kes), Kluster Jalan Perindustrian Agas 11 (104 kes), Kluster Kilometer 22 Jalan Gambang (11 kes) dan Kluster Industri Bypass Gebeng (52 kes).

"Selain itu, Kluster Industri Jalan Bangi Lama (79 kes), Kluster Pengkalan Batu (sembilan kes), Kluster Lorong Sungai Tiram (25 kes), Kluster Bahtera Barat (18 kes), Kluster 35 Bintulu (21 kes), Kluster Sungai Pelepak (26 kes) dan Kluster Sungai Entajum (41 kes).

"Kluster lain ialah Kluster Kampung Jeram Perдах (lapan kes), Kluster Lorong Empat Se-kinchan (41 kes), Kluster Gong Pansir (29 kes) dan Kluster Persiaran Kempas Jernih (14 kes)," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sementara itu, Dr. Noor Hisham berkata, berdasarkan data terkini kadar kebolehjangkitan kelmarin, nilai RT seluruh negara adalah sebanyak 1.07.

"Negeri yang mencatatkan

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	6,045
Import	20
Tempatan	6,025
Pulih	5,271
Kematian	63
Masih dirawat	67,669
Jumlah kes sembuh	705,486
Jumlah Kematian	5,497
Jumlah kes keseluruhan	778,652

nilai RT tertinggi adalah Pahang (nilai RT 1.24), manakala negeri-negeri lain mencatatkan RT melebihi 1.0 adalah Putrajaya (1.16), Melaka (1.12), Selangor (1.08), Kuala Lumpur (1.04), Pulau Pinang (1.02) dan Sabah (1.01)," ujarnya.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA

Beberapa langkah segera diambil tampung pesakit Covid-19 di Lembah Klang

KKM tangani isu kesesakan hospital

PETALING JAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) mengambil beberapa langkah segera bagi menangani isu kesesakan pesakit Covid-19 yang tinggi di hospital-hospital sekitar Lembah Klang terutama di Jabatan Kecemasan dan Trauma, Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Adham Baba berkata, Jabatan Kecemasan dan Trauma HKL kini menerima antara 60 hingga 70 pesakit Covid-19 sehari dengan purata 3 pesakit kategori 4 dan 5 yang memerlukan bantuan alat pernafasan.

Katanya, bagi pesakit kategori 5, pesakit perlu dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan HKL merupakan hospital rujukan berstatus Hibrid Covid-19 yang menerima pesakit pandemik itu dan bukan Covid-19 di Jabatan Kecemasan dan Trauma serta ICU.

"Jumlah kedatangan atau rujukan pesakit ke Jabatan Kecemasan dan Trauma yang tinggi telah ditangani dengan penyediaan



PETUGAS kesihatan sedang bertugas di wad kecemasan sementara pesakit kritikal Covid-19 di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 MAEPS, Serdang. – GAMBAR HIASAN

dan penggunaan katil tambahan oleh pengurusan HKL.

"Manakala, pesakit Covid-19 yang telah stabil dipindahkan ke Hospital Rehabilitasi Cheras dan

Institut Perubatan Respiratori bagi membolehkan HKL menerima dan merawat segera pesakit Covid-19 yang lain," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam pada itu, ujar beliau, pihaknya telah meneliti beberapa langkah bagi menangani keadaan luar jangka kedatangan atau rujukan pesakit yang ting-

gi ke hospital KKM di Lembah Klang.

Beliau berkata, secara keseluruhan, penggunaan katil pesakit (termasuk repurpose bed) di Lembah Klang kini telah mencapai kadar melebihi 85 peratus.

"Antara langkah afirmatif yang diambil KKM adalah memperluaskan lagi sumber luar dengan meletakkan pesakit bukan Covid-19 ke hospital swasta, meningkatkan kapasiti katil ICU dan bukan ICU termasuk peralatan dan kemudahan yang diperlukan di hospital.

"Langkah seterusnya, memberi penugasan semula secara sementara kepada petugas kesihatan dari negeri tertentu yang memerlukan petugas kesihatan tambahan," katanya.

Jelasnya, KKM juga akan mengoptimumkan sumbangan sukarelawan dan pelajar kejururawatan tahun akhir dari Institut Latihan KKM bagi membantu petugas kesihatan seperti di Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Katil hospital di Lembah Klang hampir penuh

Kadar penggunaan kini melebihi 85 peratus

KUALA LUMPUR

Kadar penggunaan katil pesakit termasuk *repurpose bed* (katil yang diubah suai) di hospital-hospital di Lembah Klang kini melebihi 85 peratus, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Beliau berkata, mengambil kira keperluan katil tambahan, khususnya di unit rawatan rapi (ICU), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan beberapa langkah afirmatif segera untuk menangani keadaan luar jangka kedatangan atau rujukan pesakit yang tinggi ke hospital-hospital Kementerian di Lembah Klang terutamanya di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Antaranya ialah meluaskan lagi penyumberluaran pesakit bukan Covid-19 ke hospital swasta bagi membolehkan HKL menerima dan merawat lebih ramai pesakit Covid-19.

Selain itu, kapasiti katil ICU dan bukan ICU termasuk peralatan dan kemudahan seperti alat bantuan pernafasan di hospital KKM dan Hospital Pengajar Universiti seperti Hospital Pakar Kanak-kanak Universiti Kebangsaan Malaysia (HPKK UKM), Hospital Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Hospital Universiti Teknologi MARA (UiTM), akan ditingkatkan bagi menerima serta merawat lebih ramai pesakit Covid-19.



DR ADHAM

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

“Turut dilaksanakan ialah memberi penugasan semula sementara kepada petugas kesihatan merangkumi pakar perubatan dan anggota paramedik dari negeri tertentu, bagi menyokong perkhidmatan di hospital KKM dan Hospital Pengajar Universiti yang memerlukan petugas kesihatan tambahan untuk merawat pesakit Covid-19,” katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Dr Adham berkata, langkah lain ialah mengoptimalkan sumbangan sukarelawan dan pelajar kejururawatan tahun akhir daripada Institut

Latihan KKM yang sedang menjalani latihan praktikal bagi membantu petugas kesihatan seperti di pusat pemberian vaksin (PPV), manakala sebahagian jururawat berpengalaman di PPV dan pusat saringan Covid-19 ditugaskan semula bagi menyokong penyampaian perkhidmatan di hospital KKM.

“Menerusi langkah-langkah afirmatif ini, KKM berharap tekanan tinggi yang diterima oleh pihak hospital untuk menerima dan merawat pesakit Covid-19 dapat dikurangkan dari masa ke masa serta negara dapat segera mencapai pemulihan,” katanya.

Dalam pada itu, Dr Adham berkata, daripada keseluruhan kes Covid-19 yang dikendalikan oleh HKL, sebanyak 71 peratus adalah pesakit Covid-19 kategori tiga hingga lima, manakala bakinya pesakit Covid-19 kategori satu dan dua.

Berdasarkan rekod terkini, Jabatan Kecemasan dan Trauma HKL menerima 60 hingga 70 pesakit Covid-19 sehari dengan purata tiga pesakit kategori empat dan lima yang memerlukan bantuan alat pernafasan selain perlu dirawat di ICU.

- *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Remaja OKU korban baharu Covid-19

63 kematian, 6,045 kes positif di Malaysia dicatatkan pada Ahad

Oleh HIDAYAH HAIROM

SHAH ALAM

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

Remaja perempuan orang kurang upaya (OKU) berusia 13 tahun direkodkan sebagai salah seorang daripada 63 korban terbaharu jangkitan Covid-19 di negara ini.

Menerusi data dikongsikan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah pada Ahad, remaja berkenaan merupakan kes kematian ke 5,473 dan meninggal dunia di Hospital Tuanku Jaafar, Seremban.

"Sebanyak 63 kes kematian pada hari ini (Ahad) yang melibatkan 25 kes di Selangor; 15 kes di Negeri Sembilan; 10 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, masing-masing tiga kes

di Johor dan Kedah, masing-masing dua kes di Pulau Pinang dan Pahang serta masing-masing satu kes di Sarawak, Terengganu serta Melaka.

"Jumlah ini menjadikan kes kematian akibat Covid-19 di negara ini adalah sebanyak 5,497," katanya dalam kenyataan media perkembangan kes Covid-19 di Malaysia pada Ahad.

Dalam pada itu, kes baharu jangkitan Covid-19 masih kekal angka 6,000 pada Ahad meskipun mencatatkan penurunan ber-



DR NOOR HISHAM

banding dua hari sebelum ini.

Beliau berkata, sebanyak 6,045 kes baharu Covid-19 dicatatkan dengan Selangor menjadi menyumbang kes paling tinggi iaitu 2,262 kes.

Perkembangan terbaharu itu menjadikan keseluruhan kes Covid-19 di negara ini adalah sebanyak 778,652 kes.

"Sebanyak 917 kes memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) termasuk 443 kes memerlukan bantuan pernafasan manakala sebanyak 5,271 kes sembuh



direkodkan pada hari ini (Ahad)," katanya.

Tambah Dr Noor Hisham, sebanyak 17 kluster baharu turut direkodkan menjadikan 869 kluster aktif Covid-19 di negara ini.


Sementara itu, beliau berkata, kadar kebolehhajngkitan (Rt) Covid-19 terbaharu setakat 3 Julai pula adalah sebanyak 1.07 yang mana Pahang mencatatkan nilai Rt tertinggi (nilai Rt 1.24).

"Negeri-negeri lain mencatatkan Rt melebihi 1.0 adalah Wilayah Persekutuan Putrajaya (1.16); Melaka (1.12); Selangor (1.08); Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1.04); Pulau Pinang (1.02) dan Sabah (1.01)," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI					
JUMLAH KESELURUHAN	PULIH	ICU	KEMATIAN	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
778,652	705,486	917	5,497	+6,045	8,800,700



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/NATION

DECLINING TREND

FEWER CASES, BUT STILL ABOVE 6,000

Nation records 6,045 new infections, with Selangor logging 2,262 cases

ADIB POVERA
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE number of new Covid-19 cases in the country remains over 6,000, although there was a declining trend yesterday.

A total of 6,045 cases were reported, a drop compared with the

6,658 cases and 6,982 cases reported on Saturday and the day before, respectively.

These brought the cumulative figure to 778,652, said the National Security Council.

Up to noon yesterday, Selangor logged 2,262 cases.

Kuala Lumpur recorded 616 cases, followed by Negri Sembilan with 531 and Johor, 500.

Perak reported 384 cases and Kelantan had 124. Both states are among the five that will transition to Phase Two of the National Recovery Plan today.

Perlis, another state allowed to move into Phase Two, is the only state without a new case.

The two remaining states were



An elderly man being wheeled into a mobile vaccination centre at the Sri Sarawak Public Housing Block in Kuala Lumpur yesterday. BERNAMA PIC

Pahang, with 95 cases, and Terengganu, with 54 cases, said Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

He said Putrajaya and Labuan recorded 16 and 75 cases, respec-

tively.

The nation yesterday logged 63 deaths, bringing the toll to 5,497.

Dr Noor Hisham said there were 67,669 active cases.

Of the total, 917 cases were re-

ceiving treatment at Intensive Care Units, with 443 having ventilator support.

The number of recoveries stood at 5,271, raising the cumulative to 705,486, he said.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS/NATION

TREATING PANDEMIC

85PC OF KLANG VALLEY PUBLIC HOSPITAL BEDS OCCUPIED

Ministry to address high referral rate issue via various measures, says Adham

KUALA LUMPUR

THE current use of patient beds, including repurposed beds, in hospitals in the Klang Valley, has reached more than 85 per cent, said Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba.

By factoring in demand for extra beds, especially in intensive care units (ICU), he said, his ministry would implement measures to address the unexpected high referral rate to hospitals in the area.

Among the steps is to expand the outsourcing of non-Covid-19 patients to private hospitals to

enable Kuala Lumpur Hospital to treat more Covid-19 patients.

The capacity of ICU and non-ICU beds, facilities and equipment, like ventilators, in hospitals and university teaching hospitals, such as Universiti Kebangsaan Malaysia Children's Specialist Hospital, Universiti Putra Malaysia Hospital and Universiti Teknologi Mara Hospital, will be increased to treat more Covid-19 patients.

"Another step is to provide temporary reassignment (mobilisation) of healthcare personnel consisting of medical specialists and paramedics from other states to support services at public hospitals and teaching hospitals that need more staff to treat Covid-19 patients," he said yesterday.

Dr Adham said another measure was to optimise volunteers and final-year nursing students from the ministry's training institutes, who were undergoing practical training, to assist healthcare personnel at vaccina-



A medical frontliner helping a Covid-19 patient at Sungai Buloh Hospital yesterday. PIC BY EFFENDY RASHID

tion centres, while some experienced nurses at vaccination and Covid-19 screening centres would be reassigned to these hospitals.

"Through these actions, the ministry hopes to ease the pressure faced by hospitals treating Covid-19 patients," he said.

On the number of Covid-19 cases handled by Kuala Lumpur Hospital, Dr Adham said 71 per cent of the patients were in categories three to five, while the rest were category one and two.

Based on the latest records, the

hospital's Emergency and Trauma Department receives between 60 and 70 Covid-19 patients daily, with an average of three category four and five patients needing respiratory assistance in addition to ICU treatment.

He said the high number of admissions or referrals to the hospital's department was due to its "Covid-19 Hybrid" referral hospital status.

It meant, he said, the hospital could provide extra beds for the Covid-19 patients and non-Covid-19 patients.

He added that Covid-19 pa-

tients, who are stable, would be transferred to Cheras Rehabilitation Hospital and the Respiratory Medicine Institute.

The increasing number of Covid-19 patients or referrals to public hospitals in the Klang Valley is being addressed through collaboration with Sungai Buloh Hospital, which is a Covid-19 hospital, and the Covid-19 quarantine and low-risk treatment Centre at the Malaysia Agro Exposition Park, which treats Covid-19 patients up to category four before being transferred to a hospital. **Bernama**

Video of patient treated on floor: Hospital explains

KUALA LUMPUR: Kuala Lumpur Hospital yesterday provided clarification of a video of a patient treated on the floor of its Emergency and Trauma Department recently.

Its director, Datuk Dr Heric Corray, said the patient was brought to the unit unconscious and without a pulse.

"At that time, all beds were occupied, and the floor was the best flat surface to perform cardiopulmonary resuscitation. The patient, however, could not be saved.

"Since the cause of the patient's death hasn't been determined, the deceased was sent to the Forensic Medical Department for

a postmortem. We are now waiting for the result," he said.

On Friday, it was reported that a doctor, believed to be assigned to the hospital's Emergency and Trauma Department, revealed that it could not afford to take in new patients.

While not denying that the hospital's bed utilisation had increased due to the spike in Covid-19 cases, Dr Heric said most of them were in category four, while the planning on bed management was being scrutinised based on current needs.

He said the hospital was planning to get more medical equipment, such as oxygen tanks and beds. **Bernama**

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Doses dispensed nearing nine million mark

KUALA LUMPUR: A total of 8,800,700 doses of vaccine have been administered to people in the country as of yesterday under the National Covid-19 Immunisation Programme, says Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba.

In a Twitter post yesterday, he said that a total of 2,539,686 people received their second dose.

"A total of 217,807 doses of Covid-19 vaccine were administered on Saturday involving 141,140 recipients of the first dose and 76,667 individuals who received their second dose injection," he said.

Meanwhile, the five states that recorded the highest number of two-dose recipients were Selangor with 342,677 people followed by Sarawak (278,528), Johor (266,779), Kuala Lumpur (232,170) and Sabah (225,690).

— Bernama

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NATION

MOH acts on hospital bed issue

Several immediate steps to be taken to meet high referral rate

KUALA LUMPUR: The current usage of patient beds, including repurposed beds in hospitals, in the Klang Valley has now reached more than 85%, says Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba.

He said that by taking into account the need for extra beds, especially in the intensive care unit (ICU), the Health Ministry would implement several immediate measures to address the unexpected high referral rate to the ministry's hospitals in the Klang Valley.

Among the steps that will be implemented immediately is to further expand the outsourcing of non-Covid-19 patients to private hospitals to enable Hospital Kuala Lumpur (HKL) to treat more Covid-19 patients.

In addition to ICU and non-ICU beds, equipment and facilities like

ventilators at Health Ministry (MOH) hospitals and university teaching hospitals such as Universiti Kebangsaan Malaysia Children's Specialist Hospital (HPKK UKM), Hospital Universiti Putra Malaysia (UPM), and Hospital Universiti Teknologi Mara (UiTM) will be increased to treat more Covid-19 patients.

"Another step is to provide temporary reassignment (mobilisation) of healthcare personnel consisting of medical specialists and paramedics from other states to support services at MOH hospitals and teaching hospitals that need additional staff to treat Covid-19 patients," he said in a statement yesterday.

Dr Adham said another measure was to optimise the contribution of volunteers and final-year nursing

students from the MOH training institutes who were undergoing practical training to assist healthcare personnel at vaccination centres (PPV), while some experienced nurses at PPV and Covid-19 screening centres would be reassigned to MOH hospitals.

"Through these actions, the MOH hopes that the pressure faced by the hospitals to treat Covid-19 patients can be reduced from time to time and the country can achieve recovery soon," he added.

Dr Adham also said that of the total Covid-19 cases handled by HKL, 71% were of Categories Three to Five.

Based on the latest records, the HKL Emergency and Trauma Department receives between 60 and 70 Covid-19 patients daily, with an average of three Categories Four

and Five patients who need respiratory assistance in addition to treatment in the ICU.

(Covid-19 patients under Categories One to Three show no or slight symptoms while those in Category Four require supplementary oxygen treatment. Patients in Category Five require ventilator support.)

Dr Adham explained that the high number of admissions or referrals to the HKL Emergency and Trauma Department as a Covid-19 hybrid status referral hospital, i.e. receiving both Covid-19 and non-Covid-19 patients, was being managed by the provision of extra beds, while stable Covid-19 patients would be transferred to the Cheras Rehabilitation Hospital and the nearby Respiratory Medicine Institute (both in KL).

The increasing number of Covid-19 patients or referrals to MOH hospitals in the Klang Valley is being addressed in collaboration with Hospital Sungai Buloh, whose current status is C-19 Hospital, and the Covid-19 Quarantine and Low-risk Treatment Centre at Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), which treats patients up to Category Four before being transferred to the hospital.

"MOH is also working with HPKK UKM, Hospital UPM, Hospital UiTM and the Malaysian Armed Forces Hospital to treat both Covid-19 and non-Covid-19 patients," said Dr Adham. — Bernama

Watch the video
TheStarTV.com



AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Hospital beds usage in Klang Valley exceeds 85%

KUALA LUMPUR: The current usage of patient beds, including repurpose beds in hospitals in the Klang Valley, has now exceeded 85%, said Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba.

He said by taking into account the need for extra beds, especially in the intensive care unit (ICU), the Health Ministry would implement several immediate measures to address the unexpected high referral rate to the ministry's hospitals in the Klang Valley.

Among steps that will be implemented immediately is to further expand the outsourcing of non-Covid-19 patients to private hospitals to enable the Kuala Lumpur Hospital (HKL) to treat more Covid-19 patients.

In addition, the capacity of ICU and non-ICU beds, including equipment and facilities such as ventilators in ministry hospitals and university teaching hospitals such as Universiti

Kebangsaan Malaysia, Children's Specialist Hospital, Universiti Putra Malaysia Hospital and Universiti Teknologi Mara Hospital, will be increased to treat more Covid-19 patients.

"Another step is to provide temporary reassignment (mobilisation) of healthcare personnel consisting of medical specialists and paramedics from other states to support services at ministry hospitals and teaching hospitals that need additional staff to treat Covid-19 patients," he said in a statement yesterday.

Adham added another measure was to optimise the contribution of volunteers and final year nursing students from the ministry's training institutes, who were undergoing practical training, to assist healthcare personnel such as at vaccination centres, while some experienced nurses at these centres and Covid-19 screening centres would be

reassigned to ministry hospitals.

Meanwhile, Adham said of the total Covid-19 cases handled by HKL, 71% were category three to five patients while the remainder were category one and two patients.

Based on the latest records, the HKL Emergency and Trauma Department receives between 60 to 70 Covid-19 patients daily, with an average of three category four and five patients who need respiratory assistance in addition to being treated in the ICU.

He explained the high number of admissions or referrals to the HKL emergency and trauma department as a Covid-19 hybrid status (receiving Covid-19 and non-Covid-19 patients) referral hospital were managed by providing extra beds, while stable Covid-19 patients would be transferred to the Cheras Rehabilitation Hospital and the nearby Respiratory Medicine Institute. - Bernama